

Ruj. MIDA : MIDA.024.400-5/6/22

Tarikh : 23 Julai 2026

NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : SH MIDA BIL.: 13/2026

**PERKARA : SEBUT HARGA BAGI MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN
PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN MIDA 2025**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada :

Sesiapa Yang Berkenaan

Pelawaan Sebut Harga oleh :

Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

(MIDA), Bahagian Pengurusan Korporat

Tingkat 14, MIDA Sentral, No. 5

Jalan Stesen Sentral 5

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03 – 2267 3633

No. Faks : 03 – 2274 7970

Sebut harga adalah dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah **Kod Bidang:-**

010102 - Penerbitan dan Penyiaran (Bahan Bacaan); **atau**

222002 - Perkhidmatan Media Cetak; **dan**

222004 - Penulisan; **dan**

222006 - Penterjemahan.

dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa.

1. PERINGATAN

- 1.1 Penyebutharga-penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebut harga sebelum mengemukakan tawaran.
- 1.2 **Pastikan dokumen sebutharga ditaip mengikut format seperti yang telah ditetapkan di dalam borang maklumbalas teknikal dan harga (*soft-copy* dibekalkan).**
- 1.3 MIDA tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran lain.
- 1.4 Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan.**

2. JAMINAN ATAS SEBUTHARGA

- 2.1 Pendaftaran penyebutharga-penyebutharga di Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas sebutharga-sebutharga yang dikemukakan. Sekiranya penyebutharga-penyebutharga menarik balik tawaran sebelum sebutharga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan, tindakan tatatertib akan diambil dan MIDA akan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membatalkan pendaftaran syarikat tuan sebagai Kontraktor Kerajaan.

3. DOKUMEN SEBUTHARGA

BAB 1 – Surat Akuan Penyebut harga & Surat Akuan Pembida

BAB 2 – Spesifikasi Teknikal & Skop Kerja

- | | |
|--------------------|---|
| i. Lampiran 2A - | Spesifikasi Penerbitan, Skop Kerja dan Terma Rujukan Perkhidmatan |
| ii. Lampiran 2B - | Borang Profil Pasukan (<i>Team Profile</i>) |
| iii. Lampiran 2C - | Borang Pengalaman Syarikat |
| iv. Lampiran 2D - | Borang Jadual Harga |
| v. Lampiran 2E - | Contoh Input bagi Penyediaan Sampel Penulisan, Terjemahan dan Cadangan Rekabentuk |
| vi. Lampiran 2F - | Skop Penulisan (<i>Content Outline</i>) |
| vii. Lampiran 2G - | Garis Panduan Konsistensi Penulisan |

BAB 3 – Pengalaman Syarikat

BAB 4 – Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat

4. PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 4.1 Dokumen sebut harga hendaklah lengkap, ditandatangani dan diserahkan kembali kepada MIDA **termasuk 'soft-copy'** tidak lewat jam **12.00 tengah hari pada 7 Ogos 2026 (Jumaat)**.
- 4.2 Tawaran ini hendaklah dikemukakan dalam **satu (1) sampul surat berlakri (sealed) beserta dokumen-dokumen yang mesti dikembalikan** iaitu :-

1.	Bab 1	Surat Akuan Penyebutharga Surat Akuan Pembida
2.	Bab 3	Maklumbalas Teknikal Dan Jadual Harga
3.	Bab 4	Pengalaman Syarikat
4.	Bab 5	Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat :- ➤ Penyata Kewangan untuk 3 tahun terakhir ➤ Penyata Bank untuk 3 bulan terakhir
5.		➤ Salinan Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan (MOF) ➤ Salinan Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate – TCC</i>)
6.		Salinan 'hardcopy' dan 'softcopy'

- 4.3 Sampul tersebut hendaklah ditanda di bahagian atas sebelah kanan sampul surat dengan maklumat berikut:-

**SEBUT HARGA BAGI MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN
PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN MIDA 2025**

**SEBUT HARGA MIDA BIL.: 13/2026
DITUTUP PADA: 7 OGOS 2026 (JUMAAT)
MASA: SEBELUM / PADA 12.00 TENGAHARI**

- 4.4 Senarai semak Sebut Harga bagi dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti di **Lampiran Senarai Semak**.

Semua sebut harga hendaklah dialamatkan kepada:-

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
Tingkat 14, MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

- 4.5 Sebut harga hendaklah diserahkan di:-

**Bahagian Pengurusan Korporat
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
Tingkat 14, MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

5. SYARAT – SYARAT AM SEBUT HARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

5.1 HARGA

- (a) **Harga indikatif** bagi sebut harga ini adalah sebanyak **RM130,000.00 termasuk 8% SST**.
- (b) Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- (c) Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.
- (d) Harga yang disebutkan hendaklah harga bersih termasuk kos penghantaran, pemasangan, insurans, diskaun, cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan sebagainya. Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM). Sebut harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga.

- (e) Tempoh kontrak bagi perolehan ini adalah selama **dua (2) tahun** bermula dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) atau tarikh lain yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sepanjang tempoh kontrak tersebut, harga yang ditawarkan hendaklah kekal dan tidak boleh dipinda, melainkan dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan.

5.2 SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

5.3 BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5.4 PERSETUJUAN

- (a) MIDA tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (b) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

5.5 PEMERIKSAAN

- (a) MIDA sentiasa berhak melantik pegawai untuk memeriksa atau menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut ; dan
- (b) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

5.6 PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

5.7 PENOLAKAN

- (a) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

- (b) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada MIDA segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (c) Fasal kecil (a) dan (b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak MIDA untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

5.8 PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan MIDA.

5.9 TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

5.10 INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

5.11 LARANGAN

- (a) Pengangkutan bagi barang-barang larangan dan merbahaya adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pihak syarikat hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan bagi kemasukan barang-barang ke negara berkenaan dipatuhi.
- (b) Barang-barang kepunyaan orang lain (pihak ketiga) adalah tidak dibenarkan dimuatkan bersama barangan MIDA.

5.12 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- (a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);

- (b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- (c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebutharga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
- (d) Mana-mana kontraktor atau Penyebutharga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

5.13 **PENAMATAN**

- (a) MIDA atau melalui wakilnya berhak membatalkan perkhidmatan sekiranya syarikat berada dalam salah satu daripada keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada MIDA atau melalui wakilnya.
- (b) Sekiranya syarikat masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan seperti di dalam sebutharga tuan.
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian kerja oleh syarikat, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- (d) Tidak mematuhi arahan MIDA atau wakilnya tanpa apa-apa alasan yang munasabah.
- (e) Apabila syarikat diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

5.14 **PENAMATAN ATAS SEBAB RASUAH ATAU AKTIVITI-AKTIVITI YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG**

- (a) Tanpa prejudis ke atas mana-mana hak MIDA, sekiranya SYARIKAT, personel, kakitangan atau pekerjanya telah disabitkan bersalah di Mahkamah untuk rasuah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain antara MIDA dan SYARIKAT tersebut, sekiranya ada, MIDA berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis serta-merta kepada SYARIKAT bagi maksud itu.

- (b) Akibat daripada penamatan tersebut, MIDA berhak menuntut segala kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh MIDA.
- (c) Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, kedua-dua pihak dengan ini bersetuju bahawa pihak SYARIKAT tidak mempunyai sebarang hak untuk membuat tuntutan ganti rugi termasuk kekurangan keuntungan, kerugian, atau apa-apa tuntutan lain akibat daripada penamatan Perjanjian ini.

6. PENERIMAAN SEBUT HARGA

- 6.1 MIDA akan memberi notis bertulis kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebut harganya disetujuterima.
- 6.2 Notis itu tidaklah boleh disifatkan sebagai disetujuterima sehingga pengesahan bertulis daripada penyebutharga menyatakan bahawa semua syarat-syarat sebutharga atau yang diubahsuai adalah diterima.

7. BANTAHAN SPESIFIKASI

Penyebut harga yang merasa tidak berpuas hati dengan spesifikasi yang disediakan, mereka berhak untuk membuat bantahan kepada MIDA dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dokumen sebutharga mula diedarkan. Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

8. MAKLUMAT TAMBAHAN

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, syarikat diminta berhubung dengan **En. Syihabuddin Ahmad Mohamad, Bahagian Pengurusan Korporat** di talian **03-22676697** atau emel: **syihabuddin@mida.gov.my**.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINAL ABDUL RAHMAN)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

BAB 1

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA
TINGKAT 14, MIDA SENTRAL
NO. 5, JALAN STESEN SENTRAL 5
KUALA LUMPUR SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR.**

**SEBUT HARGA MIDA BIL. 13/2026
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN
PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN MIDA 2025**

Kepada:

Penyebutharga-penyebutharga,

Borang ini hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan JADUAL HARGA di dalam SAMPUL SURAT BERLAKRI

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

Kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

Tuan,

SEBUT HARGA MIDA BIL: 13/2026

**SEBUT HARGA BAGI MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN PENERBITAN LAPORAN
TAHUNAN MIDA 2025**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut harga, saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini adalah dengan ini mengambil bahagian sebutharga dan menawarkan untuk melaksanakan perkhidmatan di atas mengikut penentuan spesifikasi yang ditetapkan di dalam Dokumen Sebut harga.

2. Saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan semua Syarat-syarat Kontrak dan Spesifikasi Sebut harga ini dan bersetuju di atas harga yang ditawarkan RM..... sebagai asas perkiraan bagi pembayaran perkhidmatan yang telah dipesan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

3. Dengan ini juga telah difahami bahawa MIDA berhak menerima atau menolak sebarang sebut harga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan sebut harga-sebut harga yang lain. Saya juga bersetuju untuk menerima kesemua atau sebahagian dari item-item yang ditawarkan dan sedia mengikut kehendak dan pertimbangan MIDA. Saya juga bersetuju bahawa harga sebut harga yang saya beri ini akan sah laku (*valid*) dan tidak ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga dan tiada apa-apa syarat dikenakan selepas tarikh ditetapkan.

4. Selanjutnya saya bersetuju sekiranya sebut harga saya diterima, saya akan mengikat perjanjian kontrak serta memberi bon pelaksanaan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh terima surat tawaran dari MIDA, sekiranya diarahkan.

5. Saya juga mengesahkan, setelah menyemak sendiri iaitu semua dokumen yang digunakan untuk sebutharga ini adalah yang sebenar yang terdapat di dalam Dokumen Sebut harga.

Nama
Penyebutharga : _____
(Tandatangan
Penyebutharga)

Alamat dan Cop
Rasmi Syarikat : _____

Tarikh : _____

Nama Saksi : _____
(Tandatangan Saksi)

Alamat : _____

SURAT AKUAN PEMBIDA

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN MIDA 2025

(SEBUT HARGA MIDA BIL. 13/2026)

Saya, nombor K.P.
yang mewakili syarikat
nombor Pendaftaran syarikat dengan ini
mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak
akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MIDA atau mana-
mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas.
Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti
tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MIDA atau mana-
mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka
saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan- tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebutharga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-
kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih
dalam sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP :
Cop Syarikat :



**SEBUTHARGA PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN MIDA 2025
(SEBUT HARGA MIDA BIL. 13/2026)**

SPESIFIKASI KERJA DAN PENERBITAN

Setiap tahun, MIDA akan menerbitkan satu laporan khusus mengenai aktiviti-aktiviti MIDA dan juga melaporkan Penyata Kewangan yang telah diaudit. Laporan ini diterbitkan sebagai salah satu keperluan 'statutori' dan dijadualkan untuk dibentangkan di Parlimen pada suku ke pertama tahun 2027.

Sehubungan itu, MIDA memerlukan syarikat yang berkelayakan, berpengalaman dan berkemampuan untuk menjalankan/membekalkan perkhidmatan:

- a. penulisan, editorial (termasuk *copywriting*, *editing* dan *proof reading*);
- b. penterjemahan penerbitan sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
- c. mereka bentuk, kerja seni, taipset dan rekaletak;
- d. percetakan laporan dan pelekak statut bagi laporan

bagi penerbitan '**Laporan Tahunan MIDA 2025**' versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Keperluan Kod Bidang

Syarikat yang berminat perlulah berdaftar dalam kod bidang berikut dan pendaftaran tersebut perlulah masih aktif:

010102 - Penerbitan dan Penyiaran (Bahan Bacaan);

Atau

222002 - Perkhidmatan Editorial, Rekabentuk Grafik, Seni Halus dan Harta Intelekt - Media Cetak (Tidak Termasuk Kerja-kerja Percetakan);

Dan

222004 - Perkhidmatan Editorial, Rekabentuk Grafik, Seni Halus dan Harta Intelekt - Penulisan (Semua jenis penulisan);

Dan

Dokumen ini disediakan dalam tiga (3) bahagian seperti berikut:

- (A) Spesifikasi Penerbitan
- (B) Skop Kerja dan Perkhidmatan
- (C) Format Maklum balas Teknikal

A. SPESIFIKASI PENERBITAN

Konsep & Tema	Konsep yang ditawarkan perlulah bersesuaian dengan identiti MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan pusat yang berprestij serta menepati tema penerbitan yang ditetapkan.
Tajuk Penerbitan	i. MIDA: Laporan Tahunan 2025 ii. MIDA: Annual Report 2025
Objektif Penerbitan	Penerbitan ini disediakan sebagai laporan khusus mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh MIDA sepanjang tahun 2025 , khususnya laporan penyata kewangan bagi tahun berakhir 2025.
Versi	Bahasa Melayu (sebagai versi induk) dan Bahasa Inggeris
Penterjemahan	Syarikat perlu menyediakan khidmat penterjemah bagi menjalankan kerja penterjemahan kandungan laporan yang diterima sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris, bagi tujuan penghasilan dua versi laporan iaitu Bahasa Melayu (sebagai versi induk) dan Bahasa Inggeris.
Format Kandungan	Teks; jadual; carta; graf; lampiran dan gambar-gambar termasuk <i>caption</i> .
Infografik	Syarikat yang dilantik bertanggungjawab untuk mereka bentuk dan menyediakan infografik yang bersesuaian.
Input/Teks/Deraf	MIDA akan membekalkan deraf/input laporan dalam format MsWord (.docx) sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris untuk digarap semula dan diterjemah oleh penulis/editor yang telah dilantik.
Anggaran Mukasurat	144 mukasurat (termasuk kulit) Ilustrasi & Stok Gambar Dibekalkan oleh syarikat dan sebarang keperluan pembelian stok gambar perlu mendapat persetujuan MIDA terlebih dahulu. Keutamaan pemilihan stok

gambar hendaklah diberikan kepada sumber Shutterstock.com memandangkan MIDA merupakan pelanggan kepada platform tersebut. (Anggaran 50 unit)

Ukuran Am Risalah	Apabila di tutup - saiz A4 (21cm x 29.7cm) Apabila di buka - saiz A3 (42cm x 29.7cm)	
Jenis Kertas	Kulit <i>Matt Art Card 260gsm</i> Teks <i>Simili 100 gsm</i>	
Jenis Cetakan	4 warna	
Jenis Kemasan	Kemasan hanya untuk kulit buku akan melibatkan <i>matt lamination</i> dan <i>spot UV</i> .	
Percetakan	Percetakan <i>offset</i> (percetakan digital bagi mock-up)	
Penjilidan	<i>Perfect Bind</i> (anggaran ketebalan <i>spine</i> adalah 0.5 – 0.8 mm)	
Tempoh Projek	Laporan ini dijangka perlu disiapkan untuk dibentangkan di Parlimen pada suku keempat 2025.	
Kuantiti Cetakan	Bahasa Melayu 50 unit Bahasa Inggeris (tidak perlu dicetak)	
Replikasi <i>Soft-copy</i>	10 unit USB drive (akan dibekalkan oleh MIDA)	
Cadangan	<u>Penting</u> Syarikat perlu mengemukakan <u>sekurang-kurangnya dua (2) cadangan konsep dan reka bentuk</u> bagi tujuan pemilihan dan penilaian ketika menyerahkan sebutharga pada tarikh tutup pelawaan sebutharga. Cadangan bagi maklum balas teknikal merangkumi: • Sekurang-kurangnya dua (2) ‘mock-up’ cadangan reka bentuk penerbitan dalam bentuk ‘hardcopy’ dan ‘softcopy’ • Cadangan adalah termasuk cadangan tema, konsep dan rasional penerbitan; • Konsep dan contoh <u>penulisan serta penterjemahan profesional berdasarkan contoh input versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang dibekalkan di Lampiran 2E</u>; (sila sertakan juga hasil penulisan dan reka bentuk yang pernah dibuat sebagai rujukan panel penilai) • Lain-lain cadangan yang berkaitan	

Serahan

Syarikat yang telah dilantik bagi sebutharga ini nanti, perlu mengemukakan perkara berikut pada tarikh yang diperlukan setelah kerja-kerja selesai bagi tujuan pembayaran:

- Laporan yang telah siap dicetak mengikut kuantiti yang dipersetujui oleh MIDA dan replikasi salinan digital USB drive bagi versi Bahasa Melayu
- 'Softcopy' penerbitan dalam format .pdf (resolusi tinggi dan rendah sesuai bagi laman web MIDA) bagi kedua-dua versi
- 'Softcopy' teks laporan akhir yang telah dimuktamadkan bagi kedua-dua versi dalam format MsWord.
- Kompilasi infografik yang telah direka
- Kompilasi stok gambar yang telah dibeli sama ada yang digunakan atau tidak.

B. SKOP KERJA DAN PERKHIDMATAN

(1) **KHIDMAT PENULISAN, EDITORIAL DAN PENTERJEMAHAN**

Membekalkan khidmat penulisan, editorial (termasuk *copywriting*, *copy editing* dan *proof reading*) dan penterjemahan daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris bagi penerbitan **Laporan Tahunan MIDA 2025**.

i. **Penyediaan Penulisan**

- Penulis perlu menyediakan penulisan dalam **Bahasa Melayu sebagai salinan induk ('master copy')**.
- MIDA akan membekalkan deraf/input bagi kegunaan penulisan pihak syarikat. Ini termasuk segala maklumat latar belakang yang diperlukan, *key points* dan data bagi graf, carta dan jadual, sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- Syarikat yang berjaya perlu memahami konsep kandungan laporan dengan jelas dan mengenalpasti elemen-elemen dalam deraf laporan yang berpotensi untuk diketengahkan.
- Syarikat juga perlu merujuk kepada penerbitan yang telah diterbitkan sebelum ini sebagai persediaan untuk tugas ini.
- Syarikat **perlu mencadangkan konsep penulisan yang menarik** berdasarkan tema yang diperlukan dan contoh deraf laporan yang akan dibekalkan oleh MIDA.

- Syarikat perlulah mempunyai kepakaran dalam bidang penulisan atau melantik penulis/editor yang berkeupayaan untuk menggarap deraf laporan yang dibekalkan ke dalam bentuk tulisan yang lebih senang difahami, segar dan moden.
- Penulis/editor perlu mempunyai latar belakang atau pengetahuan mengenai ekonomi atau/dan perniagaan supaya mampu untuk menghasilkan penulisan yang menarik, mudah difahami pembaca dan berkualiti berdasarkan maklumat dan fakta yang disediakan dan dibekalkan oleh MIDA.
- Penulis/editor perlu mengenalpasti/ mencadangkan/ menyediakan gambar/ ilustrasi/ carta/ graf/ infografik yang selaras dengan konsep dan tren terkini, bagi menyokong penulisan serta membantu meningkatkan kefahaman pembaca.
- Sekiranya syarikat memerlukan lebih daripada seorang penulis/ editor, syarikat boleh melantik penulis tambahan bagi melaksanakan kerja-kerja penulisan yang ditetapkan. Sehubungan itu syarikat bertanggungjawab untuk melantik seorang ketua editor bagi memastikan keseluruhan penulisan adalah konsisten dan selaras dari segi gaya, nada serta kandungan.
- Ketua editor yang dilantik daripada kumpulan editorial perlu bersedia menghadiri semua sesi perbincangan berkaitan dengan penyediaan penulisan laporan tersebut di MIDA.
- Ketua editor juga bertanggungjawab untuk memuktamadkan keseluruhan hasil editorial kumpulan editorial sebelum diserahkan secara rasmi kepada MIDA.
- Kumpulan editorial ini juga perlu bersedia untuk melaksanakan sebarang kerja editorial di MIDA untuk kelulusan akhir.
- **Skop penulisan dan kandungan bagi Laporan Tahunan MIDA 2025** adalah seperti di **Lampiran 2F**.
- Laporan dalam Bahasa Melayu yang telah dimuktamadkan perlu diterjemahkan kepada Bahasa Inggeris dan disiapkan dalam **tempoh tiga (3) bulan**.
- Berkomunikasi dengan pereka bentuk (*designer*) bagi tujuan menjalankan kerja-kerja taipset, reka bentuk dan lain-lain.

ii. Tanggungjawab Editorial

- Membekalkan hasil penulisan yang lengkap dan komprehensif iaitu merangkumi kesemua elemen yang ingin disampaikan dalam laporan tersebut termasuk carta, graf, jadual dan lampiran yang berkaitan.
- Berkomunikasi dengan pereka bentuk/pihak yang terlibat bagi tujuan semakan pruf dan penyediaan reka bentuk laporan.
- Bekerja rapat dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pegawai-pegawai MIDA yang berkaitan ketika proses penyediaan penulisan.

- Menepati tarikh akhir yang telah dipersetujui dan menyerahkan hasil penulisan seperti yang ditetapkan/diperlukan.
- Menjalankan semakan konsistensi yang komprehensif terhadap kedua-dua versi penerbitan termasuk carta, graf, jadual dan lampiran, dengan meneliti aspek penggunaan perkataan/terma/symbol, lenggok bahasa, tatabahasa, ejaan serta memastikan kesahihan fakta dan data yang terkandung di dalam laporan.
- Setiap cadangan ayat atau perenggan yang ditulis/disusun semula perlulah bertujuan untuk memberi lebih kefahaman kepada pembaca.
- Menyediakan jadual kandungan (*table of contents*) yang teratur serta menyemak dan memastikan ketetapan bilangan mukasurat bagi keseluruhan laporan.
- Sekiranya terdapat lebih daripada seorang penulis/editor, semua hasil penulisan perlu disemak dan dimuktamadkan oleh ketua editor syarikat yang dilantik sebelum ianya diserahkan kepada MIDA.

iii. Tanggungjawab Penterjemah

- Menterjemah salinan induk ('master copy') dalam Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris **dalam tempoh tiga (3) bulan** ia dimuktamadkan.
- Membekalkan terjemahan yang lengkap dan komprehensif iaitu merangkumi keseluruhan laporan termasuk carta, graf, jadual dan lampiran.
- Terjemahan hendaklah konsisten dengan maksud dan konteks kandungan dalam versi Bahasa Melayu dan ia tidak semestinya terjemahan secara langsung (*direct translation*). Penggunaan sistem terjemahan automatik (auto-translation system) dalam penyediaan kandungan adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- Menyemak terminologi yang digunakan agar bersesuaian dan konsisten dengan penggunaan semasa oleh Kerajaan dalam laporan-laporan rasmi serta garis panduan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sekiranya syarikat memerlukan lebih daripada seorang penterjemah, syarikat boleh melantik penterjemah tambahan bagi menjalankan kerja-kerja penterjemahan yang berkaitan. Sehubungan itu syarikat bertanggungjawab untuk melantik seorang ketua editor bagi memastikan setiap hasil penterjemahan adalah konsisten dari segi gaya bahasa dan ketetapan maksud.
- Ketua editor yang dilantik daripada kumpulan editorial/penterjemah perlu bersedia menghadiri semua perbincangan berkaitan dengan penyediaan penulisan laporan berkenaan di MIDA.
- Ketua editor juga bertanggungjawab untuk memuktamadkan draf terjemahan sebelum dikemukakan kepada MIDA.

- Berkomunikasi dengan pereka bentuk/pihak yang terlibat bagi tujuan bacaan pruf dan penyediaan reka bentuk laporan.
- Bekerja rapat dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pegawai-pegawai MIDA yang berkaitan ketika proses penyediaan penterjemahan.
- Memandangkan tempoh waktu penghasilan penerbitan yang sangat singkat, kerja penerbitan ini perlu dijalankan di luar waktu pejabat termasuk hujung minggu dan hari kelepasan cuti am. Walau bagaimanapun, penulis/editor/penterjemah wajib menghadiri kesemua perjumpaan/perbincangan atau mesyuarat yang berkaitan terjemahan berkenaan di MIDA apabila diperlukan.
- Menepati tarikh akhir yang diberikan dan menyerahkan hasil terjemahan seperti yang ditetapkan/diperlukan.
- Menjalankan semakan konsistensi yang komprehensif terhadap kedua-dua versi penerbitan termasuk carta, graf, jadual dan lampiran dari segi penggunaan perkataan, lenggok bahasa, tatabahasa, ejaan, kesahihan fakta dan data yang terkandung di dalam laporan.
- Setiap cadangan ayat atau perenggan yang ditulis/disusun semula perlulah bertujuan untuk memberi lebih kefahaman kepada pembaca
- Sekiranya melibatkan lebih daripada seorang penterjemah, setiap hasil terjemahan hendaklah disemak dan dimuktamadkan oleh ketua penterjemah yang dilantik oleh pihak syarikat sebelum diserahkan kepada MIDA.

(2) KHIDMAT MEREKA BENTUK PENERBITAN

Membekalkan konsep dan menjalankan kerja-kerja reka bentuk, termasuk taipset dan pruf warna bagi penerbitan '**Laporan Tahunan MIDA 2025**', versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, berdasarkan cadangan **tema dan konsep** yang telah dipersetujui oleh pihak MIDA.

Bagi tujuan penilaian sebutharga, syarikat perlu mengemukakan dokumen maklumbalas teknikal termasuk sekurang-kurangnya dua (2) mock-up cadangan reka bentuk penerbitan (rujuk 'Spesifikasi Kerja dan Penerbitan-Cadangan, m/s 3'). Sila rujuk susun atur kandungan laporan penerbitan bagi tahun-tahun sebelumnya dan skop penulisan di **Lampiran 2F**.

i. Tanggungjawab pereka bentuk (*designer*)

- Berkomunikasi dengan penulis untuk menyediakan reka bentuk visual yang betul/ tepat/ bersesuaian dengan konsep penulisan beliau.
- Menyediakan reka bentuk/ ilustrasi/ graf/ carta/ jadual/ lampiran/ infografik yang selari dengan konsep serta tren terkini, untuk disertakan bersama kandungan

penulisan bagi memudahkan pemahaman pembaca sepertimana yang ditetapkan oleh pihak editorial.

- Menyediakan lampiran-lampiran yang berkaitan bagi laporan.
- Mencadangkan konsep dan arah tuju seni secara menyeluruh termasuk menjalankan kerja-kerja yang berkaitan seperti penyediaan bahan grafik, taipset, reka bentuk semula (*reconstruct*) jadual/carta/graf ilustrasi agar selaras dengan keseluruhan konsep yang ditetapkan.
- Memastikan konsistensi rekaan bagi keseluruhan kandungan laporan.
- Memastikan konsistensi tema warna bagi keseluruhan laporan.
- Bagi tujuan konsistensi jenama MIDA, garis panduan jenama MIDA akan dibekalkan oleh MIDA.
- Membekalkan pruf warna dan cetakan *mock-up* sebagai rujukan untuk tujuan memuktamadkan penerbitan sebelum proses percetakan dijalankan.
- Membekalkan kerja-kerja yang berkaitan seperti yang dikehendaki.
- Bersedia ditempatkan di pejabat MIDA untuk menjalankan sebarang kerja kemaskini/reka bentuk sebelum *final artwork* dimuktamadkan.
- Bersedia membekalkan perkhidmatan walaupun selepas waktu pejabat, hujung minggu, dan cuti am tanpa sebarang kos tambahan.

(3) SKOP KERJA PERCETAKAN DAN PELEKAT

Syarikat perlu menjalankan kerja-kerja percetakan seperti berikut:

- Mencetak penerbitan** 'Laporan Tahunan MIDA 2025', versi Bahasa Melayu sahaja;
- Mencetak pelekak statut** untuk dilekatkan pada Laporan Tahunan MIDA 2025; dan
- Replikasi salinan laporan tahunan MIDA 2025 (*soft-copy*) ke dalam USB drive

(i) Spesifikasi Percetakan Penerbitan


Tajuk Penerbitan	i. Laporan Tahunan MIDA 2025 ii. MIDA Annual Report 2025
Versi	Bahasa Melayu (sahaja)
Anggaran Mukasurat	144 mukasurat (termasuk kulit)
Ukuran Am Risalah	Apabila di tutup - saiz A4 (21cm x 29.7cm) Apabila di buka - saiz A3 (42cm x 29.7cm)

Kuantiti Cetakan	Bahasa Malaysia : 50 unit Bahasa Inggeris : Tidak perlu dicetak (Replikasi digital akan dimuatnaik di laman sesawang MIDA)
Jenis Kertas	Kulit <i>Matt Art Card 260gsm</i> Teks <i>Simili 100 gsm</i>
Jenis Cetakan	4 warna
Jenis Kemasan	<i>Matt lamination dan spot UV</i> (Kemasan hanya untuk kulit buku)
Percetakan	Percetakan offset (percetakan digital bagi mock-up)
Penjilidan	<i>Perfect Bind</i> (anggaran spine adalah 0.5 – 0.8 mm)
Tempoh siap	<u>Deraf pertama:</u> 10-14 hari dari tarikh kandungan/input diserahkan oleh MIDA. <u>Pindaan/pembetulan:</u> 1-3 hari dari tarikh setiap draf semakan diserahkan kembali oleh MIDA. <u>Cetak & Jilid:</u> Anggaran 7-14 hari dari tarikh kelulusan akhir MIDA.
Tarikh serahan	Akan ditentukan kemudian

(ii) **Spesifikasi Percetakan Pelekat Nombor Statut Laporan**

Tajuk	Nombor Statut (akan dibekalkan oleh MIDA)
Versi	Bahasa Melayu (sahaja)
Kuantiti Cetakan	Pelekat untuk Laporan : 20 keping sahaja
Saiz Pelekat	Untuk buku: 5cm (tinggi) X 19cm (lebar) Lebar mengikut lebar buku


Ilustrasi Pelekat untuk Laporan



(iii) Spesifikasi Replikasi Penerbitan Digital dan Pelekat Nombor Statut di USB Drive

Tajuk File	Nombor Statut (akan dibekalkan oleh MIDA)
Tajuk File Versi	Nombor Statut (akan dibekalkan oleh MIDA) Bahasa Melayu (sahaja)
Kuantiti	10 unit USB Drive (akan dibekalkan oleh MIDA) dan 10 keping cetakan pelekat
Saiz Pelekat	Bersesuaian dengan saiz USB drive

Contoh Ilustrasi Pelekat untuk USB Drive



(C) FORMAT MAKLUM BALAS TEKNIKAL

Sebutharga dan cadangan yang diterima oleh pihak MIDA akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian yang dilantik oleh Ketua Pegawai Eksekutif MIDA. Penilaian akan dibuat berdasarkan serahan dokumen sebutharga yang lengkap dan pematuhan syarat-syarat am sebutharga yang telah dinyatakan di **Lampiran 1**.

Bagi tujuan penilaian, **maklumbalas teknikal** perlu dibekalkan dalam format **'hardcopy'** dan **'softcopy'** seperti berikut:

- i. Sesalinan profail atau resume penulis/editor dan penterjemah yang akan terlibat dalam projek penerbitan ini seperti dinyatakan dalam **Lampiran 2B**.
- ii. Membekalkan sekurang-kurangnya **dua (2) mockup cadangan reka bentuk** (termasuk kulit, *inside layout*, *separators*, lampiran, muka teks dan *rationale*). Cadangan reka bentuk perlulah mematuhi garis panduan penjenamaan MIDA seperti dinyatakan dalam **Lampiran 2H**.
- iii. Sampel penulisan profesional (termasuk cadangan konsep, *tema* penulisan, dan *rationale*) yang telah digarap menggunakan contoh input yang telah dibekalkan dalam **Lampiran 2E**; dan
- iv. Sampel terjemahan bagi penulisan yang telah dihasilkan berkenaan;
- v. Sila nyatakan pengalaman yang berkaitan dan rujukan kerja seperti dinyatakan dalam **Lampiran 2C**.



**SEBUT HARGA PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN MIDA 2025
(SEBUT HARGA MIDA BIL. 13/2026)**

PROFIL PASUKAN (TEAM PROFILE)

Task / Role	Name (Provide profile / resume)	Current Project	Past Experience	Sample of Past Work (Link/ Attachment)
Account Manager/ Project Manager				
Chief Editor				
Writer/Copywriter				
Translator				
Designer				
Printing (Coordinator)				

Notes:

- Each key team member must be listed individually, based on this format.
- Vendors may add extra rows if they propose more than one person per task.
- If one person covers multiple tasks, please list them under each relevant task.
- All samples submitted must be the team's own work.

Submission: Please return the completed form together with your proposal.



**SEBUT HARGA PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN MIDA 2025
(SEBUT HARGA MIDA BIL. 13/2026)**

**SENARAI PENGALAMAN SYARIKAT SECARA KHUSUS
SAMA ADA PROJEK KERAJAAN, SWASTA ATAU NEGARA LUAR**

BIL	NAMA PROJEK KHUSUS	KERAJAAN/ SWASTA/ NEGARA LUAR (Jika Negara Luar Sila Nyatakan Nama Negara)	NAMA PELANGGAN	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA/ SURAT NIAT (DD/MM/YYYY)	KOS PROJEK (RM)	STATUS PROJEK (Selesai / Dalam Progres; Sekiranya dalam progres nyatakan jangkaan selesai)

Nota:

1. Senaraikan pengalaman syarikat bagi lima tahun terkini dan sekiranya tiada pengalaman, sila isikan 'TIADA'.
2. Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, penyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah menggunakan format yang sama.
3. Borang ini merupakan sebahagian daripada dokumen maklum balas teknikal.



**SEBUT HARGA PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN MIDA 2025
(SEBUT HARGA MIDA BIL. 13/2026)**

**SENARAI PENGALAMAN SYARIKAT SECARA UMUM
SAMA ADA PROJEK KERAJAAN, SWASTA ATAU NEGARA LUAR**

BIL	NAMA PROJEK UMUM	KERAJAAN/ SWASTA/ NEGARA LUAR (Jika Negara Luar Sila Nyatakan Nama Negara)	NAMA PELANGGAN	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA/ SURAT NIAT (DD/MM/YYYY)	KOS PROJEK (RM)	STATUS PROJEK (Selesai / Dalam Progres; Sekiranya dalam progres nyatakan jangkaan selesai)

Nota:

1. Senaraikan pengalaman syarikat bagi lima tahun terkini dan sekiranya tiada pengalaman, sila isikan 'TIADA'.
2. Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, penyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah mengandungi tajuk dan bilangan medan yang sama.
3. Borang ini merupakan sebahagian daripada dokumen maklum balas teknikal.



**SEBUTHARGA PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN MIDA 2025
(SEBUT HARGA MIDA BIL. 13/2026)**

BORANG JADUAL HARGA

